

# 30 peratus atlet Olimpik penuntut IPT

BATU PAHAT - Hampir 30 peratus atlet negara yang layak secara merit ke Sukan Olimpik London terdiri daripada penuntut institusi pengajian tinggi (IPT).

Daripada 28 atlet negara yang layak berdasarkan merit, lapan daripadanya merupakan penuntut IPT, sekali gus membuktikan menara gading mampu melahirkan atlet kelas dunia.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Razali Ibrahim berkata, perkembangan positif itu menunjukkan mat-

lamat kerajaan melahirkan 'The Thinking Athletes' mampu direalisasikan.

"Kerajaan sememangnya komited dalam program pembangunan dan pembudayaan sukan di IPT termasuk pemberian insentif, biasiswa dan geran penyelidikan berteraskan kejuruteraan sukan."

"Bagi atlet IPT yang akan berjuang di Sukan Olimpik London, saya ucapkan selamat maju jaya dan berusahalah sebaik mungkin untuk mengharumkan nama negara," katanya selepas menutup kejohanan Majlis Sukan Antara Universiti Malaysia (Masum) Fasa 2 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini kelmarin.

Pasukan Universiti Teknologi Mara

(UiTM) muncul juara keseluruhan setelah memungut 12 pingat emas, lima perak dan tujuh gangsa dalam kejohanan membabitkan lapan acara sukan itu.

Universiti Putra Malaysia (UPM) di tempat kedua dengan tujuh pingat emas, manakala tuan rumah, UTHM tempat ketiga dengan empat pingat emas.

Sementara itu, Presiden Masum, Prof. Datuk Dr. Kasim Md. Mansur berkata, atlet IPT yang layak ke Olimpik London ialah Khairulnizam Mohd. Affendi (UiTM - perahu layar), Yu Peng Kean (UPM - lawan pedang), Azizul Hasni Awang (Universiti Deakin - lumba basikal) dan Cheng Chu Sian (UPM - memanah).

Turut layak, Leong Mun Yee, Pan-

dalela Renong, Bryan Nickson Lomas dan Cheong Jun Hoong (terjun), kesemuanya penuntut UPM.